

18/02/1997

Pusat rawat buah pinggang di Negeri Sembilan

SEREMBAN, Isnin - Hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sebuah pusat khas merawat pesakit buah pinggang diwujudkan di negara ini, kini menjadi kenyataan.

Pusat Haemodialisis Mawar berharga RM6 juta itu akan dirasmikan Perdana Menteri, 24 Februari ini sempena lawatan rasmi beliau sehari ke Negeri Sembilan.

Pusat haemodialisis empat tingkat yang terbesar di Asia itu dibina di kawasan seluas 1.9 hektar, berhampiran Hospital Besar Seremban.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang melawat pusat itu hari ini berkata, pusat itu, buat permulaan menyediakan 15 buah mesin bernilai hampir RM1 juta dikendalikan oleh seorang doktor dibantu empat jururawat.

"Keutamaan diberi kepada pesakit buah pinggang miskin untuk menerima rawatan di pusat itu dengan mendapatkan bantuan kewangan daripada Tabung Kebajikan Haemodialisis."

"Pada masa depan kita berharap dapat menambah mesin sehingga 100 unit bagi menampung keperluan pesakit yang memerlukan rawatan," katanya kepada pemberita selepas meninjau pusat itu.

Menurutnya, kerajaan negeri juga bercadang membuka pusat cawangan di enam daerah dengan menyediakan lima mesin supaya pesakit tidak perlu datang ke sini mendapatkan rawatan.

"Ia bertujuan untuk memudahkan pesakit buah pinggang dari daerah lain yang jauh dan susah datang ke sini," katanya.

Antara kemudahan yang disediakan termasuk 25 unit televisyen supaya pesakit tidak bosan. Ini kerana pesakit mendapat rawatan tiga kali seminggu dan setiap rawatan memerlukan kira-kira lima jam.

(END)